



## SIARAN MEDIA

### PERKESO DAN LZNK METERAI MEMORANDUM KERJASAMA BERTERASKAN PROGRAM SOCIAL SYNERGY

**ALOR SETAR, KEDAH – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman (LZNK)** hari ini memeterai Memorandum Kerjasama melalui Program *Social Synergy* sebagai langkah lebih agresif dalam membantu golongan asnaf untuk mendapatkan rangkaian manfaat keselamatan sosial.

MoC ini ditandatangani oleh **Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed** bagi pihak PERKESO, manakala LZNK diwakili **Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) LZNK, Dr. Mohd Faisal Bin Mustaffa**. Menurut Dato' Sri Dr. Mohammed Azman, kolaborasi tersebut merupakan wadah untuk membantu lapan golongan sebagai penerima harta zakat yang dapat ditingkatkan ke aras yang jauh lebih baik, sekali gus menjamin aspek kesejahteraan yang saksama di Malaysia.

“MoC ini juga bakal menjadi pemangkin dalam memacu kecekapan kedua-dua agensi untuk memperluas jaringan perkhidmatan, demi memelihara lima tiang seri yang dititipkan dalam syarak Islam. Saya juga percaya, kerjasama yang terjalin pada hari ini bukan sekadar membantu mereka yang memerlukan, tetapi secara tidak langsung berjaya meningkatkan kemahiran anggota dalam kalangan agensi yang terlibat dalam program ini. Tanpa sedar sebenarnya mereka dilatih menjadi *social security practitioners*.”

Beliau berkata demikian ketika berucap semasa Majlis Menandatangani Memorandum Kolaborasi (MoC) tersebut.

Melalui MoC ini, rangkaian program dijadual dilaksanakan seperti Perkongsian data, Program Kesedaran Perlindungan Keselamatan Sosial yang meliputi semua skim yang disediakan PERKESO, termasuk Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) dan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) kepada usahawan di negeri Kedah. Selain itu, intervensi pasaran buruh bersama Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) PERKESO, program kesedaran pembayaran zakat dalam kalangan majikan dan pekerja serta program-program perlindungan keselamatan sosial yang berkaitan bakal diadakan. Untuk rekod, **lebih 22,000** penyaluran prospek kepada pelbagai agensi di bawah Program Social Synergy melalui Sistem MySynergy telah berjaya dilaksanakan **bagi tempoh 2019 hingga Ogos 2023**,.

Perbadanan Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman bertanggungjawab menguruskan segala perkara yang berhubung dengan aktiviti pentaksiran, pemungutan dan pengagihan zakat serta pemberian bantuan kebajikan dan perlindungan khususnya asnaf di Kedah. Justeru, jalinan kerjasama ini diyakini dapat memperbaiki permasalahan dan kesulitan yang dialami golongan sasaran kedua-dua agensi serta seluruh rakyat Malaysia.

PERKESO amat mengalu-alukan kerjasama lebih banyak pihak dalam usaha memastikan pencarum PERKESO atau pencari kerja mendapat bantuan sewajarnya sebagai manifestasi kepada *No Wrong Door Policy* yang memacu revolusi keselamatan sosial di Malaysia.

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**28 OGOS 2023**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Mohd Wazid Zaidon**

**+6017-619 3181**

**[wazid.zaidon@perkeso.gov.my](mailto:wazid.zaidon@perkeso.gov.my)**